

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN YAMANI HAFEZ BIN MUSA**  
**[ SIPITANG ]**  
**TARIKH : 14 NOVEMBER 2019**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan jumlah hasil pendapatan diperoleh Kerajaan daripada industri pelancongan sepanjang tahun lalu sehingga September ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian, jumlah hasil pendapatan daripada perbelanjaan pelancong asing bagi tahun 2018 adalah sebanyak **RM84.14 bilion**, meningkat sebanyak **+2.4%** berbanding tahun lepas iaitu **RM82.17 bilion**. Manakala, bagi tempoh **Januari hingga Jun 2019**, sebanyak **RM41.69 bilion** telah dibelanjakan oleh pelancong asing, meningkat sebanyak **+6.8%** berbanding tempoh yang sama tahun lalu iaitu sebanyak **RM39.0 bilion**. Membeli-belah merupakan komponen perbelanjaan terbesar yang mewakili **35.3%** daripada keseluruhan perbelanjaan.

Bagi pelancongan domestik pula, sejumlah **RM92.6 bilion** telah dibelanjakan pada tahun **2018** berbanding **RM83.1 bilion** pada tahun **2017** iaitu **peningkatan** sebanyak **11.4%**.

Sekian, terima kasih.